

DATE: 1 / 3 / 2008

Kerajaan prihatin beban, kesusahan rakyat: PM

Projek tebatan banjir bukti BN komited tangani masalah jangka panjang

**PILIHAN RAYA
UMUM KE-12**



Oleh Fazli Abdullah

KEPALA BATAS: Kerajaan Barisan Nasional (BN) komited melaksanakan projek besar bagi menyelesaikan masalah rakyat secara jangka panjang dan berkekalan termasuk tebatan banjir, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, projek tebatan banjir yang membabitkan peruntukan besar dilakukan di seluruh negara bagi memastikan masalah banjir yang dialami penduduk saban tahun dapat ditangani secara berkesan.

Katanya, pelaksanaan projek berkenaan turut dapat membantu penduduk dalam sektor lain termasuk pertanian.

Sambil mengagunkan projek kecil-kecilan seperti menapak sungai kurang berkesan serta membabitkan perbelanjaan besar, beliau berkata, projek besar dijalankan bagi menyelesaikan masalah itu secara berpanjangan.

Beliau memberi contoh projek besar yang sudah dijalankan oleh ke-

rajaan seperti pembinaan Empangan Temenggor di Perak dan Empangan Pergau, Tanah Merah, Kelantan. Kerajaan juga membina Empangan Beris di Sik dan Empangan Pedu, Kuala Nerang, Kedah, bagi menangani masalah banjir.

"Kalau buat projek kecil, apabila bah kena korek lagi dan ini memakan belanja yang banyak dan rakyat mengalami kesusahan dan kerugian harta benda serta tanaman. Kita mahu buat betul-betul supaya tahan lama dan banjir tidak berlaku lagi seperti projek Ampang Jajar (di sini).

"Kerajaan lakukan ini kerana prihatin terhadap kesusahan yang ditanggung rakyat yang terjejas akibat banjir," katanya berucap merasmikan

“Kerajaan akan terus berusaha kurangkan beban rakyat dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, selain melaksanakan pembangunan”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

kan Ampang Jajar Sungai Muda dan pelancaran Projek Tebatan Banjir Sungai Muda Fasa II di Rantau Panjang, Penaga, dekat sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir negeri, Datuk Azhar Ibrahim.

Projek Tebatan Banjir Sungai Muda yang terletak di sempadan Kedah dan Pulau Pinang, merangkumi kawasan tadahan seluas 4,210 kilometer persegi bagi menangani masalah banjir.

Projek itu yang membabitkan kos RM1.29 bilion, terbahagi kepada dua fasa, bermula dengan kerja mendalam dan melebarkan Sungai Muda dan kerja berkaitan di Bandar Sik, Kuala Ketil dan Baling, Kedah serta pembinaan Ampang Jajar.

Fasa kedua membabitkan kerja membina batas, mendalam dan melebarkan Sungai Muda. Fasa pertama siap pada Mei 2006, manakala fasa kedua yang bermula semalam dijangka siap Mei 2011.

Perdana Menteri turut mengulangi jaminan kerajaan untuk terus berusaha mengurangkan beban rakyat dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, selain melaksanakan projek pembangunan.

Beliau memberi contoh kos pengajian dalam bidang perubatan memerlukan perbelanjaan sebanyak RM250,000 dan RM175,000 untuk kursus pergajian, tetapi pelajar tidak membayar sebanyak itu.

Katanya, kejayaan kerajaan menyediakan peluang pendidikan dan pembangunan kepada rakyat kerana perancangan rapi dan berterusan serta komitmen untuk membantu membangunkan modal insan.

"Memang ia adalah tanggungjawab kerajaan tetapi tidak semua kerajaan berjaya, banyak yang tidak berjaya, yang lingkup. Kita berjaya melakukannya dengan meningkatkan hasil negara dan menguruskan ekonomi. Apabila ekonomi kita baik, ia akan memanfaatkan rakyat," katanya.

Sementara itu 350 keluarga yang terpaksa dipindahkan bagi memberi laluan kepada Projek Tebatan Banjir Sungai Muda akan diberikan penempatan kekal.

Jaminan itu diberikan oleh Dr Koh, sekali gus membuktikan keprihatinan kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam menangani masalah rakyat.

"Apa juga projek yang dalam pelaksanaan, ada yang terjejas teruk seperti kena pindah, akan diselesaikan. Kami kerajaan BN memang prihatin dengan masalah yang dihadapi rakyat," katanya.